

**TEKS PENGGULUNGAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N34 PAYA TERUBONG**  
**EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF**

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam perpaduan,

YB Dato' Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada masa yang diberi dan soalan yang dikemukakan oleh YB Jawi. Berdasarkan apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Jawi, Pulau Pinang sememangnya merupakan penyumbang eksport terutama Malaysia, malah negari ini juga sebuah destinasi pelancongan yang terkenal sebagai UNESCO World Heritage site (Dengan izin yang dipertua).

**Q1- Apakah inisiatif kerajaan dalam membangunkan Penang sebagai sebuah tapak pelancongan antarabangsa dan memulihkan industri pelancongan**

Bagi memulihkan industri pelancongan di Pulau Pinang pasca COVID-19, Penang Global Tourism (PGT) akan bertindak berdasarkan Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan Negeri (*Tourism Recovery Action Plan*) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan kesan pandemik melalui beberapa strategi dengan menjenamakan Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat. Kerajaan Negeri menyediakan RM1.0 juta bagi Tourism Recovery Action Plan pada tahun 2023.

Di samping usaha promosi berterusan ke pasaran, Pulau Pinang yang sebelum ini mempunyai penerbangan terus, Pulau Pinang juga menyasarkan sepuluh (10) pasaran ketibaan teratas ke Pulau Pinang serta beberapa pasaran berpotensi seperti Eropah, Korea Selatan dan Timur Tengah. Bagi meneruskan usaha menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang.

Untuk pengetahuan semua, mulai Julai 2022, Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) telah menerima tiga (3) singgahan kapal pesiar antarabangsa setiap minggu. Penaiktarafan SPCT membolehkan SPCT mengendalikan dua (2) kapal bersaiz oasis

pada satu-satu masa. Penerimaan kapal-kapal pesiar pada bulan Julai sahaja menyaksikan seramai 35,000 penumpang tiba di Pulau Pinang.

Selain itu, kerajaan gembeleng dalam memperkasakan sejarah dan budaya negeri ini dengan Perayaan Warisan George Town (George Town Heritage Celebrations) telah berjaya dianjurkan dari 2 sehingga 7 Julai 2022 bagi menyambut pengisytiharan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Persembahan tradisi, aktiviti heritage walk, Bengkel Interaktif dan Tayangan Filem Dokumentari Mini Warisan Budaya Pulau Pinang Dalam Norma Baharu telah diadakan sepanjang perayaan sebagai usaha proaktif GTWHI untuk mempromosikan Hari Warisan Dunia George Town sekaligus memperkasakan sektor warisan budaya di negeri Pulau Pinang.

Antara program lain yang dijalankan bagi memperhebatkan industri pelancongan adalah:

- Program Penaiktarafan Imej Penarik Beca di Pulau Pinang telah memanfaatkan 77 buah beca di Pulau Pinang. Kerja-kerja telah dijalankan termasuk menggantikan rim, tayar, penutup kanvas, tempat duduk penumpang, mengecat badan beca dan pemasangan payung baharu.
- Menaik taraf kemudahan di Taman Botani Pulau Pinang. Taman Botani Pulau Pinang yang kaya dengan khazanah warisan semula jadi dan merupakan salah satu destinasi ekopelancongan tempatan.
- Pemulihan sektor pelancongan Bukit Bendera. Dari segi pelaksanaan projek di Bukit Bendera, projek utama Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) bagi tahun 2022 adalah Projek Menaik Taraf Stesen Atas Bukit Bendera (Fasa 4). Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang akan disediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM5.58 juta bagi meningkatkan kemudahan dan fasilitinya pada tahun 2023.

## **Q2- Isu lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang yang menjejaskan reputasi negeri**

Industri pelancongan Pulau Pinang telah berjaya mencatatkan prestasi yang unggul untuk tahun 2022. Sejak pembukaan semula sempadan pada 1 April 2022, Pulau Pinang telah menyaksikan peningkatan ketara dalam ketibaan antarabangsa. Secara

amnya, perbandingan antara bulan Januari sehingga Disember tahun 2021 dan antara bulan Januari sehingga Ogos tahun 2022, Pulau Pinang telah mencapai peningkatan sebanyak 2973 peratus untuk ketibaan antarabangsa manakala peningkatan sebanyak 235 peratus untuk ketibaan domestik di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Turut menunjukkan peningkatan adalah jumlah pergerakan penumpang di LTAPP iaitu peningkatan sebanyak 315 peratus daripada 544 ribu orang pada tahun 2021 kepada 2.2 juta orang pada tahun 2022 untuk jumlah pergerakan penumpang di LTAPP.

Oleh itu, menaiktaraf kemudahan dan meningkatkan kapasiti lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bagi menampung peningkatan penumpang dan memainkan peranan dalam pengendalian kargo. Menerusi Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pulau Pinang 2030 dan bantuan kerajaan pusat yang diterajui Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB). Projek pembesaran Bangunan Terminal LTAPP bagi menampung peningkatan kapasiti kepada 12 juta penumpang setahun seiringan dengan peranan negeri Pulau Pinang sebagai hub perdagangan dan pelancongan antarabangsa.

Justeru itu, projek ini dijalankan dengan mengezonkan kawasan-kawasan di sekitar LTAPP untuk aktiviti-aktiviti sokongan dan kegunaan lapangan terbang dengan meningkat dan membesarkan terminal bagi pengendalian kargo udara ke arah mencapai keupayaan pengendalian kargo. Selain itu, menghubungkan LTAPP dengan pembangunan Penang South Reclamation (PSR) dan kawasan-kawasan lain melalui rangkaian pengangkutan rel bagi meningkatkan mobiliti penumpang dan barangan. Jadi, itu sahaja bagi menjawab persoalan yang dikemukakan.

Akhirnya, semoga negeri yang kami kasihi ini sentiasa makmur dan sejahtera. Sekali lagi, terima kasih atas peluang yang diberi. Bersatu dan Setia.

Sekian, terima kasih.

**Zulfiqar Haziq Bin Zakaria**

**N34 Paya Terubong**

**Sidang Muda 2022/23**